

ANGGARAN PERBELANJAAN BAGI MAJLIS MEWAH

	Pengantin Lelaki	Pengantin Perempuan
Mas kahwin	\$100	
Duit Hantaran	\$8,000	
Hantaran (Hadiah)	\$3,000	\$3,000
Cincin Perkahwinan	\$1,000	
Mak Andam	\$6,000	
Dekor dan makanan	\$15,000	\$15,000
Kad jemputan	\$500	\$500
Fotografi	\$1,000	\$1,000
Dekor Bilik		\$3,000
Kompang	\$500	
Berkat	\$1500	\$1500
JUMLAH	\$30,600	\$27,300

ANGGARAN PERBELANJAAN BAGI MAJLIS YANG BERBAJET

	Pengantin Lelaki	Pengantin Perempuan
Mas kahwin	\$100	
Duit Hantaran	\$8,000	
Hantaran (Hadiah)	\$3,000	\$3,000
Cincin Perkahwinan	\$1,000	
Baju gaun tempahan atau di sewa	\$1,000	
Dekor dan makanan	\$8,000	\$8,000
Kad Jemputan	\$200	\$200
Fotografi	\$400	\$400
Dekor Bilik		\$1,000
Kompang	\$500	
Berkat	\$800	\$800
JUMLAH	\$22,000	\$14,400



CARA ADAKAN MAJLIS GLAMOR BERBAJET

Cik Roslina Juri, Ketua Pegawai Acara daripada Weddings & Romance Pte Ltd memberi saranan:

#01 Jika kedua pasangan mempunyai jemputan tidak lebih dari 500 orang, ia disarankan agar majlis diadakan di restoran. Pakej restoran termasuk pelamin dan dekor yang ringkas, makanan, kad undangan dan berkat. Pasangan hanya perlu mencari pakaian dan jurugambar serta juruvideo, Majlis pernikahan juga boleh diadakan di restoran dan disusuli oleh majlis jamuan.

#02 Kalau boleh satukan majlis bagi dua pihak supaya kos tempat, makanan, dekor, kad jemputan dan berkat dikongsi sama oleh pasangan. Dengan ada perkongsian kos, pasangan boleh menempah khidmat yang bermutu yang tidak melebihi bajet.

#03 Wang hantaran ditetapkan keluarga perempuan. Cuba berbincang bersma untuk mendapatkan persetujuan mengenai wang hantaran – usah tetapkan terlampau tinggi hingga menyukarkan pasangan yang baru hendak mulakan kehidupan bersama.

1 turun naik
pelamin



MELIHAT PADA STATISTIK KAHWIN-CERAI KAUM MELAYU-ISLAM, ADAKAH REALISTIK UNTUK PERSIAPKAN DIRI MELANGSUNGKAN DUA MAJLIS PERKAHWINAN DALAM HAYAT ANDA?

Majlis perkahwinan selalunya dianggap sebagai satu majlis yang disambut gah sekali dalam hidup. Tapi bagi orang Melayu-Islam Singapura, adakah ia lebih realistik untuk mempersiapkan diri bagi dua majlis perkahwinan dalam hidup mereka?

Patutkah kedua-dua majlis disambut dengan besar-besaran mengikut citarasa mempelai atau patutkah majlis kedua terutamanya disambut dengan penuh sederhana?

Di Singapura, lebih kurang 4,000 perkahwinan berlangsung setiap tahun dan 34 peratus daripadanya adalah perkahwinan kedua bagi salah seorang daripada pasangan mempelai. Ini dibandingkan dengan 24 peratus bagi perkahwinan bangsa lain. Trend ini juga meningkat pada tahun 2009 berbanding 1999. Tambahan pula statistik menunjukkan setiap tahun 1,500 perceraian berlaku, kebanyakannya di antara rumah tangga yang baru hendak bertapak.

Menurut Suriati Abdullah, kaunselor dan konsultan utama SuChi Success Initiatives, lima tahun pertama perkahwinan merupakan peringkat awal yang mencabar bagi pasangan suami isteri. Anggaran 35 peratus perkahwinan yang berakhir dengan perceraian datang daripada golongan ini. Trend serupa ini, tambahnya, memang ketara dalam 5-10 tahun lalu. Besar kemungkinan pasangan yang bercerai ini bakal berkahwin kali

kedua dalam masa beberapa tahun lagi.

RASA RUGI

Justeru, adakah wajar untuk masyarakat Islam bersedia secara mental bahawa mereka perlu buat persiapan untuk dua kali majlis kahwin?

Bagi Roslina Juri, ketua pegawai acara daripada Weddings & Romance Pte Ltd, majlis perkahwinan adalah upacara sekali dalam hidup dan semua inginkan majlis perkahwinan impian.

"Sebagai perancang majlis perkahwinan tidak manis untuk saya kata 'mana tahu, akan ada satu lagi majlis perkahwinan dalam hidup anda'. Jadi nasihat saya secara am adalah untuk berbelanja mengikut bajet dan belanja mana yang

wajib kerana mereka mungkin nak membeli rumah atau membuat renovasi di rumah akan datang," ujarnya.

Apa rasanya apabila majlis perkahwinan yang diatur dengan meriah dengan walimah yang memakan kos sekitar \$25,000 sepasangan dan anggaran kasar sebanyak \$75 juta setahun hanya tinggal kenangan pahit manis bagi sebahagiannya?

Mantan Pendaftar di Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang-Orang Islam (ROMM) Haji Pasuni Maulan, berkata: "Alhamdulillah kalau rumah tangga itu dapat berkekalan, syukur. Tapi kalau runtuh selepas beberapa tahun kemudian alangkah ruginya pasangan itu."

Menurut Suriati pula, tidak semua perkahwinan kedua akan membelanjakan wang yang tinggi serupa perkahwinan mereka yang pertama. Namun, ada di kalangan pasangan yang mana salah seorang belum pernah berumah tangga, mereka atau keluarga mereka mahukan perkahwinan yang 'gah' yang mungkin menelan belanja tinggi.

SIAPA NAK KAHWIN DUA KALI?

Suriati berkata, "Tentunya setiap pasangan yang berumah tangga mempunyai niat yang murni untuk kekal bahagia selama-lamanya sehingga akhir hayat. Namun, cabaran-cabaran yang mendatang membuat mereka tidak berupaya menangani dan menyelesaikannya."

"Tiada pasangan yang waras akan memasuki alam perkahwinan dengan perasaan curiga dan fikiran bahawa beliau harus bersiap sedia untuk perceraian dan berkahwin sekali lagi dan terus merancang untuk majlis yang kedua. Namun, sekiranya ada perasaan sebegini timbul sebelum memasuki alam perkahwinan, maka sebaiknya difikirkan sekali lagi perkahwinan tersebut."

"Pada pendapat saya, setiap wanita atau lelaki yang sudah berniat untuk berumah tangga harus mempunyai kecekalan, fikiran, bekalan dan persediaan yang cukup untuk menempuh segala duri ranjau kehidupan berumah tangga."

"Usah pasang niat langsung untuk 'merancang untuk kegagalan' tetapi pasang niat untuk merancang dan mencari kejayaan dan kebahagiaan, insya-Allah." m

“Di Singapura, lebih kurang 4,000 perkahwinan berlangsung setiap tahun dan 34 peratus daripadanya adalah perkahwinan kedua bagi salah seorang daripada pasangan mempelai.”